

13/05/1999

Pas terpaksa korban maruah jika terus bersama DAP

Mior Kamarul Shahid

KEBELAKANGAN ini tindakan pemimpin Pas menimbulkan banyak persoalan, malah berlaku percanggahan besar ke atas dasar dan cita-cita perjuangan parti itu. Pas bertindak tanpa memikirkan maruah parti dan kewibawaan pemimpinnya, itu pun jika Pas boleh dianggap mempunyai maruah.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang ketika bercakap di mesyuarat DAP Wilayah Persekutuan, Ahad lalu berkata parti itu menentang cita-cita Pas mendirikan kerajaan Islam jika barisan pembangkang memenangi pilihan raya umum akan datang. Malah, katanya, pendirian DAP selama ini adalah jelas dan tidak berubah, walaupun DAP bersetuju untuk bekerjasama dengan Pas bagi menubuhkan Barisan Nasional (BN).

Mungkin disebabkan bimbang kenyataan Lim disalah tafsir, wartawan mendapatkan penjelasan sejelas-jelasnya daripada Lim. Tanpa diragui memang itulah maksudnya. Beliau menjelaskan partinya bersedia bekerjasama dengan Pas bukan untuk menegakkan sebuah negara Islam tetapi memperjuangkan keadilan.

"Pendirian DAP tidak pernah berubah. Malaysia adalah sebuah negara majmuk, berbilang kaum, budaya dan agama. Ia (kerajaan Islam) tidak sesuai," katanya. Kenyataannya itu disokong pula oleh Pengerusi DAP Wilayah Persekutuan, Dr Tan Seng Giaw yang menegaskan DAP adalah parti yang kuat menentang usaha pembentukan sebuah kerajaan Islam di Malaysia.

Kenyataan dua pemimpin kanan DAP itu tidak memerlukan tafsiran mendalam. Ia adalah kata dua kepada Pas bahawa DAP tetap menolak kerajaan Islam. Maksudnya, kalau mahukan bantuan DAP, Pas perlu mengorbankan prinsip dan cita-cita menegakkan negara Islam. Siapa yang perlu tunduk kepada siapa? Jika Pas akur bermakna parti itu bersetuju dengan dasar yang antara lain memperjuangkan dasar Malaysian Malaysia. Isu Malaysian Malaysia amat penting bagi DAP kerana jika parti itu berganjak daripada dasar itu, DAP mungkin kehilangan lebih ramai ahli kerana sebahagian daripada ahli dan pemimpinnya yang meletakkan jawatan adalah berpunca daripada pengguguran dasar Malaysian Malaysia. Dasar Malaysian Malaysia adalah untuk menyamakan taraf semua rakyat tanpa memberi sebarang hak istimewa kepada mana-mana kumpulan. Jika Pas bermimpi untuk mewujudkan sebuah negara Islam bersama DAP, lupakan saja.

Sebagai mewakili parti yang bercita-cita menegakkan negara Islam, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat ternyata akur dengan kenyataan Lim. Ketika diminta reaksinya berikutan kenyataan tegas pemimpin DAP itu, beliau berkata Pas sanggup meneruskan kerjasamanya dengan DAP walaupun parti itu menolak cita-cita Pas mewujudkan kerajaan Islam jika memenangi pilihan raya umum.

Rumusannya, jika gabungan parti pembangkang itu menang pun, negara Islam tidak akan diwujudkan. Kenyataan Nik Aziz itu bolehlah dianggap "janji" Pas kepada DAP kerana sebagai seorang yang berpegang kepada Islam, janji perlu ditunaikan. Bagaimana jika Pas dan gabungan parti pembangkang menang dalam pilihan raya? Jika janji dikota, kerajaan Islam yang selama ini dilaung-laungkan oleh Pas tidak akan terlaksana. Apakah perjuangan Pas untuk melaksanakan hukum hudud di negara ini mampu dilaksanakan? Jawabnya, tidak!.

Jadi, apakah sebenarnya perjuangan Pas? Bagaimana pula janji Pas yang begitu lantang terhadap pengikut-pengikutnya? Dalam ceramah dan majlis yang diadakan oleh Pas, gagasan untuk menegakkan negara Islam adalah inti ucapan yang begitu tegas dan bersemangat dilaung-laungkan oleh pemimpin

mereka. Selama ini beratus-ratus hadis dan ayat al-quran yang dikeluarkan oleh pemimpin parti itu untuk menentang Umno dan Barisan Nasional (BN) ialah kerana parti yang memerintah kerajaan hari ini tidak berhasrat untuk menegakkan negara Islam.

Apakah hanya disebabkan untuk memenangi pilihan raya Pas sanggup mengubah haluan dan menggadaikan prinsip perjuangan parti itu. Jika ahli Pas bersetuju dengan kenyataan Nik Aziz, mereka boleh terus menyokong parti itu dan mempertahankan kenyataan walaupun bertentangan dengan perjuangan mereka selama ini dalam Pas. Sebaliknya, jika mereka mahu meneruskan cita-cita untuk menegakkan negara Islam, mereka seharusnya berani bertindak meminta Nik Aziz menarik balik kenyataannya itu.

Percanggahan Pas juga begitu jelas apabila Presiden parti itu, Datuk Fadzil Noor diberi laluan supaya bertanding di Kubang Pasu, kawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pilihan raya akan datang. Permintaan terhormat itu dinyatakan oleh Timbalan Presiden keADILan, Dr Chandra Muzaffar. Jika Fadzil bersetuju bertanding di kawasan itu, keADILan akan memberi sokongan padu.

Sebelum ini Pas memberi jaminan akan memberi sokongan padu kepada Presiden keADILan, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail jika beliau sanggup menentang Dr Mahathir. Siapa yang hendak menjerat siapa? Jika di tempatnya sendiri di Padang Terap, Fadzil tumpas, apakah beliau boleh menang di Kubang Pasu? Bagaimana jika Fadzil kalah di Kubang Pasu tetapi Wan Azizah menang jika beliau bertanding di kawasan lain?

Jika Pas dan parti pembangkang lain dikatakan mampu membentuk kerajaan, Fadzil yang sepatutnya dilantik sebagai menjadi Perdana Menteri tentulah melopong. Laluan akan dibuka kepada Wan Azizah. Itulah jalan paling mudah. Jika Fadzil tidak mahu `membunuh diri', bermakna usul keADILan, tidak boleh dipakai. Di sini saja sudah menunjukkan pertentangan yang begitu hebat antara kedua-dua parti itu.

Nik Aziz dan keADILan juga tidak selari dengan pendirian masing-masing berhubung peranan wanita. Ketika keADILan mengiktiraf peranan wanita dalam politik, Nik Aziz berpendapat sebaliknya. Ketika keADILan menegaskan perlunya wanita turut berjuang sebagaimana dilaungkan oleh Chandra kelmarin, Nik Aziz sebelum ini memberi pandangan berbeza terhadap wanita yang dikatakannya lebih sesuai duduk di rumah, tidak perlu bekerja. Jika keluar bekerja pun tidak digalakkan, apatah lagi pergi berkempen.

Memang banyak perbezaan ketara antara Pas, DAP dan keADILan. Bagaimana mereka boleh duduk semeja untuk berbincang soal yang membabitkan kepentingan rakyat yang berbeza kaum dan aspirasi.

(END)